



## MAJLIS DAERAH SUBIS

### KENYATAAN SEBUT HARGA SEMULA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada **kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan UPKJ** dalam kelas dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

| Bil. | No. Sebut Harga          | Tajuk Sebut Harga                                                                               | Pendaftaran CIDB SPKK (Gred/Kategori/Pengkhususan)                             | Yuran Dokumen Sebut Harga & Tempat Jualan Dokumen Sebut Harga          |
|------|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
| 1    | MDS/ENG/QUO/MOTAC/2026/1 | PROJEK BAIK PULIH JAMBATAN DAN LALUAN PEJALAN KAKI DI HOMESTAY PATRICK LIBAU SUNGAI TANGAP NIAH | <b>Civil Engineering Works<br/>Gred G2 , Kategori CE<br/>Pengkhususan CE02</b> | RM50.00<br>(Tidak dikembalikan)<br>Perbendaharaan, Majlis Daerah Subis |

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi pada waktu pejabat setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen pada **28 Ogos 2026 sehingga 4 September 2026 dalam bentuk Wang Tunai** dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat yang ditetapkan.
3. Kontraktor / Wakil Kontraktor hendaklah **membawa bersama** sijil pendaftaran **ASAL** serta **dua salinannya** yang telah diakui sah yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor, Juruperunding (UPKJ) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Pengiktirafan Status Bumiputera (jika berkenaan) dan Surat Perwakilan Kuasa (jika berkenaan) semasa membeli dokumen.
4. Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - a. **Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan Juruperunding UPKJ atau SPKK**
  - b. **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB**
  - c. **Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan)**
  - d. **Penyata Bank Syarikat 3 bulan berturut-turut dan terkini**
  - e. **Senarai projek yang masih dalam pelaksanaan**
  - f. **Senarai projek siap yang dilaksanakan dalam tahun 2023, 2024 dan 2025**

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Sebut Harga Majlis boleh **MENOLAK** tawaran sebut harga.

5. Dokumen Sebut Harga yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang diatasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **tarikh tutup, nombor dan tajuk Sebut Harga** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tawaran Sebut Harga beralamat seperti berikut :-

**Setiausaha,  
Peti Surat 83,  
Majlis Daerah Subis  
98150 Bekenu, Miri.**

6. Tarikh tutup bagi Sebut Harga di atas adalah pada **4 September 2026 jam 11.30 pagi** dan sebarang dokumen Sebut Harga yang **diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak**.
7. Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah **90 hari** dari selepas tarikh tutup.
8. Majlis Daerah Subis tidak terikat untuk menerima tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana tawaran.

**Setiausaha,  
Majlis Daerah Subis.**

**Tarikh : 28.08.2026**